

MEMBELA

YAYASAN
JCorp

YAYASAN JCorp CIPTA STANDARD BAHARU DENGAN DUA KEJAYAAN BESAR

Tahun 2025 menyaksikan pelbagai pencapaian membanggakan apabila Yayasan JCorp terus komited memperkukuh impak positif kepada masyarakat, sekali gus mencatat sejarah apabila buat julung-julung kalinya menerima Anugerah Khas Emas – Laporan Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia di Majlis Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan (NACRA) 2025. Selain itu, tahun 2025 turut menyaksikan Yayasan JCorp menerima pengiktirafan dalam bidang seni, budaya dan warisan menerusi Anugerah Seni Sektor Korporat Peringkat Negeri Johor yang dianugerahkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan Yayasan JCorp dalam memberi nilai yang bermakna kepada pihak berkepentingan sepanjang tahun, melalui pelaporan yang telus dan berimpak tinggi, di samping usaha memperkukuh identiti seni dan budaya negeri menerusi inisiatif seperti Pentas Seni Johor, Kain Benang Johor dan Galeri Seni.

Anugerah telah disampaikan oleh YB Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman pada 27 November 2025 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Sementara itu, Anugerah Seni Sektor Korporat telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan, dan Budaya Negeri Johor, YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy di mana Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman juga menerima anugerah tersebut bagi pihak Yayasan JCorp pada 4 November 2025 di Hotel Opero, Johor Bahru.

Tahniah juga diucapkan kepada KPJ Healthcare Berhad yang memenangi Anugerah Khas Platinum – Reka Bentuk Laporan Tahunan Terbaik iaitu satu pencapaian yang membanggakan bagi Kumpulan Johor Corporation.



Tempoh ini menyaksikan aktiviti-aktiviti penting dan pencapaian bermakna telah dicapai oleh Yayasan JCorp. Komitmen yayasan dalam pendidikan, kelestarian alam sekitar, seni, budaya dan warisan serta kesejahteraan komuniti kekal menjadi teras setiap inisiatif yang dijalankan. Dengan hala tuju yang semakin jelas, Yayasan JCorp berusaha untuk terus membentuk masa depan yang berdaya maju dan mampan untuk Johor, Malaysia dan dunia.

Isi Kandungan

- 01 Memperkasa Pendidikan**
Yayasan JCorp Melancarkan Program Literasi Digital untuk Pelajar Luar Bandar & B40 3
- 02 Memperkaya Seni, Budaya & Warisan**
Yayasan JCorp di Festival Wonderful Nusantara 2025 4
Memartabatkan Semula Warisan Tenunan Johor melalui Projek Legasi Johor 5
- 03 Memelihara Alam Sekitar**
IGEM 2025: Menggerakkan Inovasi Baharu untuk Masa Depan Lestari 6
Lebih 107 Tan Botol Kaca Dikumpul melalui Cabaran Kaca Pun Boleh! 7
Membekalkan Tenaga Solar kepada Sekolah Luar Grid 8
- 04 Menjamin Kesejahteraan Komuniti**
Komitmen Berterusan: Bersama Komuniti Kepulauan Johor 9
- 05 Aktiviti Kumpulan JCorp**
KPJ Pasir Gudang Komited Perkasa Kesihatan & Inisiatif Hijau di Pulau Tanjung Surat 10
- 06 Kalendar Aktiviti** 11



Pendidikan



Seni, Budaya & Warisan



Alam Sekitar



Kesejahteraan Komuniti





YAYASAN JCORP MELANCARKAN PROGRAM LITERASI DIGITAL UNTUK PELAJAR LUAR BANDAR & B40

Yayasan JCorp, dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan AFFIN Group, telah melancarkan Program Literasi Digital pada 27 Oktober 2025 di SK Sayong Pinang, Kulai.

Dengan tema “Membina Generasi Celik Digital Masa Hadapan”, inisiatif ini dilaksanakan bagi merapatkan jurang digital dalam kalangan pelajar luar bandar daripada keluarga B40 yang melibatkan tiga buah sekolah terpilih, iaitu SK Sikijang, SK Belokok dan SK Sayong Pinang (sekolah komuniti Orang Asli), yang masing-masing menerima 20 unit komputer riba serta sebuah papan pintar interaktif. Selain itu, program ini turut memperkenalkan modul literasi digital berstruktur yang memberi pendedahan kepada pelajar tentang kemahiran teknologi abad ke-21, bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dan bersaing dalam landskap digital masa kini.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Aznan Tamin, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor. Turut hadir ialah Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp; Encik Zulkurnain Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Johor; dan Puan Jozaimah Johan Ali, Pengarah Urusan Strategi dan Operasi, Kumpulan AFFIN.

Pada program ini juga diadakan aktiviti gotong-royong bersama guru, ibu bapa dan komuniti setempat yang mencerminkan semangat perpaduan dan kerjasama dalam menyokong pembangunan pendidikan holistik di sekolah luar bandar.

Objektif Program

- Merapatkan jurang digital dengan menyediakan akses kepada teknologi dan alat pembelajaran digital untuk pelajar di sekolah luar bandar dan sekolah kurang murid.
- Meningkatkan kemahiran literasi digital dalam kalangan pelajar sekolah rendah bagi persediaan masa hadapan.
- Memperkasa pelajar B40 melalui penyediaan akses kepada sumber yang memupuk kreativiti, membina keyakinan diri dan memperkukuh kemahiran teknologi.



Impak Program

- 60 komputer riba** dan **tiga papan pintar interaktif** disumbangkan kepada tiga sekolah luar bandar bagi mewujudkan bilik darjah yang interaktif dan menarik dalam meningkatkan pembelajaran digital pelajar.
- RM196,300** diperuntukkan untuk Program Literasi Digital Yayasan JCorp pada tahun 2025.



Matlamat Pembangunan Mampan



Tonton video ini untuk melihat bagaimana Program Literasi Digital mengubah kaedah pembelajaran, memperkasa pelajar melalui teknologi, dan memberi inspirasi kepada komuniti dalam membina generasi yang bersedia menghadapi masa hadapan.





YAYASAN JCORP DI FESTIVAL WONDERFUL NUSANTARA 2025

Yayasan JCorp telah menyokong edisi ketiga Festival Wonderful Nusantara yang diadakan di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Yayasan Warisan Johor dari 23 hingga 26 Oktober 2025.

Acara ini adalah sebagai platform untuk menghargai serta memelihara kekayaan seni, budaya dan warisan negeri melalui pelbagai pengisian menarik, termasuk gerai makanan tradisional, bengkel seni dan persembahan kebudayaan sepanjang empat hari festival berlangsung. Festival ini turut menjadi wadah meraikan kepelbagaian budaya dari Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand.

Secara keseluruhan, Yayasan JCorp telah menyumbang RM50,000 untuk festival ini sebagai tanda komitmen berterusan dalam memperkaya budaya dan komuniti.

Pada 25 Oktober 2025, acara ini telah dihadiri oleh Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor, bersama YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya Negeri Johor; Encik Nor Syazlan Abdul Razak, Pengarah Yayasan Warisan Johor; dan Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp.



Objektif Program

Menguatkan kerjasama budaya dan ekonomi antara Johor (Malaysia), Indonesia, Singapura dan Thailand melalui Rangkaian Komuniti Budaya Antarabangsa.

Menjana pendapatan dengan membolehkan penggiat seni dan usahawan tempatan mempamerkan dan memasarkan hasil ciptaan mereka.

Menarik minat pengunjung serta mempromosikan pelancongan negeri melalui persembahan budaya yang mempamerkan keunikan warisan Johor.



4 negara terlibat:
**Malaysia,
Indonesia,
Singapore,
Thailand**

Impak Program

3,000
pengunjung hadir
sepanjang 4 hari
acara berlangsung.

RM74,000
pendapatan terkumpul
daripada artis dan
penggiat seni.

50 penggiat seni
serta pengusaha
makanan tradisional
mendapat
manfaat.



Matlamat
Pembangunan
Mampan



MEMARTABATKAN SEMULA WARISAN TENUNAN JOHOR MELALUI PROJEK LEGASI JOHOR

Dilaksanakan bersama Yayasan Warisan Johor, Yayasan JCorp melancarkan Projek Legasi Johor untuk menghidupkan semula warisan Kain Benang Johor sebagai simbol identiti, seni dan kebanggaan budaya. Bertemakan "Ditenun Legasi, Dipakai Identiti", inisiatif ini mencerminkan komitmen Johor untuk menghormati akar budaya sambil melatih penunun generasi baharu dalam usaha memastikan warisan Kain Benang Johor terus hidup dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Melalui projek ini, sepuluh peserta Kursus Asas Tenunan Intensif Perintis Johor menerima surat tawaran rasmi, manakala peserta cemerlang berpeluang melanjutkan pengajian ke Institut Kraf Negara bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang tenunan dan seterusnya boleh ditawarkan peluang berkhidmat penuh masa di Yayasan Warisan Johor.

Selaras dengan tema, majlis pelancaran turut menampilkan persembahan budaya, pengenalan motif Gambus, serta pertunjukan fesyen yang menggabungkan tenunan tradisional dengan rekaan moden, sekali gus mencerminkan evolusi semula jadi warisan sambil mengekalkan keasliannya.



Jadi sebahagian daripada sejarah. Saksikan pelancaran Projek Legasi Johor!

Matlamat Pembangunan Mampan



Objektif Program

- Memelihara dan menghidupkan semula warisan tenunan tradisional Johor.
- Melatih dan membangunkan penggiat seni baharu dengan kemahiran asas dan lanjutan dalam bidang tenunan.
- Menggalakkan inovasi kreatif melalui rekaan semula motif tradisional dan rekaan kontemporari.
- Memperkukuh ekosistem budaya Johor melalui kerjasama, kemudahan latihan dan pembangunan warisan berasaskan komuniti.
- Menjadikan Johor sebagai pusat warisan budaya dan kraf kreatif yang berdaya tahan.

Impak Program

- **10 peserta** memulakan perjalanan sebagai penggiat seni dengan latihan berstruktur serta peluang memperoleh sijil lanjutan.
- **44 artis dan penggiat seni tempatan** mendapat manfaat.
- **Kemudahan tenunan** di Yayasan Warisan Johor dipertingkatkan dengan penajaan lima mesin kek tenun dan peralatan pemprosesan lengkap.
- **Peluang pekerjaan** sebagai penunun sepenuh masa di Yayasan Warisan Johor bagi peserta yang cemerlang.





IGEM 2025: MENGGERAKKAN INOVASI BAHARU UNTUK MASA DEPAN LESTARI

Johor Corporation menerusi Yayasan JCorp menyertai Pameran dan Persidangan Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa Malaysia (IGEM 2025) yang berlangsung dari 15 hingga 17 Oktober 2025 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur. Sebagai salah satu pameran terbesar bagi inisiatif hijau, acara ini menjadi platform utama untuk perkongsian ilmu berkaitan kelestarian, membolehkan Yayasan JCorp berhubung dengan pelbagai pihak berkepentingan, dan inovator dalam bidang teknologi hijau.

Pada IGEM ini, Yayasan JCorp mempamerkan program-program

kelestarian yang telah dijayakan, serta menunjukkan impak yang telah dicapai melalui pelbagai inisiatif seperti pemuliharaan terumbu karang, pemeliharaan rumput laut, penanaman pokok, rumah hijau pintar, dan pusat kitar semula.

Dengan menyertai pameran ini, Yayasan JCorp berhasrat memulakan kerjasama berimpak tinggi dan projek baharu yang akan menyumbang kepada hasil positif terhadap alam sekitar pada masa hadapan. Inisiatif hijau hari ini adalah pelaburan untuk masa depan yang lestari, berdaya tahan dan sejahtera buat semua.

Impak Program

- **55,000** pengunjung hadir.
- Penyertaan **420** reruai.
- Berjaya berinteraksi dengan lebih **50 pihak berkepentingan baharu**
- **10** potensi kerjasama dikenal pasti.
- **5 institusi** berminat menyertai program sukarelawan Yayasan JCorp.

Matlamat
Pembangunan
Mampan



Objektif Program

Meningkatkan kesedaran tentang inisiatif hijau serta komitmen Yayasan JCorp memacu agenda ESG.

Menjalinkan kerjasama dengan pihak berkepentingan, termasuk rakan strategik hijau, ahli akademik serta pakar industri.

Memberi fokus kepada penyelesaian inovatif yang menyokong pemuliharaan alam sekitar dan kelestarian.

Membentuk kerjasama strategik yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi global dan ketahanan alam sekitar.

Meneroka teknologi baharu dan amalan terbaik bagi memperkukuh kelestarian.



Masa Depan Lestari Bermula dengan Inisiatif Hijau. Lihat bagaimana Yayasan JCorp dan Kumpulan JCorp merealisasikannya.



LEBIH 107 TAN BOTOL KACA DIKUMPUL MELALUI CABARAN KACA PUN BOLEH!



Objektif Program

- Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kitar semula botol kaca demi kelestarian dan pemeliharaan biodiversiti.
- Menggalakkan penyertaan sekolah, guru, pelajar, ibu bapa dan komuniti dalam pelaksanaan inisiatif hijau.
- Memupuk kreativiti dan inovasi melalui pertandingan yang menggabungkan pendekatan STEM dengan seni.

Yayasan JCorp bersama SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment), dengan sokongan rakan strategik seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, antara lain, telah menganjurkan inisiatif kitar semula 'Cabaran Kaca Pun Boleh!' bagi menggalakkan generasi muda berdaya saing dalam memacu usaha kelestarian di Johor.

Pada awalnya, program ini menyasarkan kutipan 30,000 kilogram botol kaca terpakai daripada 60 sekolah rendah yang mengambil bahagian di seluruh Johor dari Julai hingga November 2025. Walau bagaimanapun, inisiatif ini berjaya melepasi sasaran dengan mengumpul sebanyak 107,202 kilogram botol kaca dalam tempoh empat bulan. Semua bahan yang dikumpul dikitar semula melalui program KITARecycle, membuktikan keberkesanan usaha bersama antara sekolah, komuniti dan rakan strategik

SJK (C) Chung Hwa, Pontian muncul juara bagi kategori Anugerah Kutipan Kitar Semula Botol Kaca Tertinggi dengan kutipan lebih 26,000 kilogram botol kaca, manakala SK Parit Kudus, Pontian memenangi Anugerah Khas Sekolah Aspirasi dan menerima hadiah wang tunai RM2,000 atas usaha menggerakkan inisiatif kelestarian dan tanggungjawab terhadap alam sekitar. Selain itu, Encik Mohamad Azizi Illias, guru dari SK Datuk Usman Awang, Kota Tinggi turut menerima Anugerah Khas Guru Harapan Lestari atas dedikasi beliau menggalakkan amalan lestari di sekolah.

Impak Program

107,200

kilogram botol kaca berjaya dikumpul

Mengurangkan
anggaran

306,592

kilogram CO₂

Lebih

123 tan

bahan kitar semula dikumpul sepanjang tahun 2025 melalui inisiatif hijau yang dijayakan Yayasan JCorp

Matlamat
Pembangunan
Mampan



MEMBEKALKAN TENAGA SOLAR KEPADA SEKOLAH LUAR GRID

Projek tenaga solar 'The Future Powered Project' oleh Yayasan JCorp di Sekolah Agama Tunjuk Laut iaitu salah sebuah sekolah luar grid Johor telah dilancarkan secara rasmi pada 17 Disember 2025. Sistem solar fotovoltaik (PV) ini disediakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Johor Plantations Group Berhad (JPG) dan rakan strategik IJM Industry ICP Piles. Usaha ini memacu sekolah menggunakan tenaga solar yang bersih dan lestari, menggantikan penggunaan generator diesel.

Sistem Solar PV yang dipasang mempunyai kapasiti 5.6 kilowatt puncak (kWp) dan terdiri daripada sembilan panel solar, satu *Inverter GROWATT SPF 5000 ES* serta empat bateri *Lithium Iron Phosphate (LFP)*. Gabungan ini memastikan penyimpanan tenaga yang efisien, bekalan elektrik berterusan untuk pembelajaran tanpa gangguan dan ia amat penting bagi sekolah luar grid yang mempunyai akses terhadap kepada infrastruktur. Sistem ini turut dilengkapi teknologi *Internet of Things (IoT)* untuk pemantauan tenaga secara masa nyata, meningkatkan kebolehpercayaan dan kecekapan penyelenggaraan jangka panjang.

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Miswan Yunos, Pegawai Daerah Kota Tinggi. Turut hadir ialah Puan Wan Su Ali, Pengurus Besar Yayasan JCorp, Encik Shah Reza Md Kanafe, Pengurus Kanan Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ), Profesor Madya Ir. Dr. Shamsul Sarip, Timbalan Pengarah Kelestarian Kampus UTM.

Majlis pelancaran 'The Future Powered Project' juga menjadi platform kerjasama untuk rakan strategik Yayasan JCorp melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat bagi menyokong sekolah ini. Pada majlis tersebut, Sekolah Agama Tunjuk Laut telah menerima dua Smart TV, dua pencetak, 200 kerusi dan papan putih, kelengkapan kembali ke sekolah, serta 250 set hidangan KFC dan Pizza Hut untuk pelajar yang hadir.

Objektif Program

Menyediakan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui bagi memastikan bekalan elektrik yang stabil untuk sekolah luar grid.

Mencapai peralihan sepenuhnya daripada diesel kepada 100% tenaga solar bagi semua keperluan elektrik di bilik darjah.

Memastikan kelangsungan pengajaran dan pembelajaran untuk lebih 100 pelajar dan guru melalui akses kuasa tanpa gangguan.

Mewujudkan satu model pendidikan yang dikuasakan oleh tenaga solar dan boleh diperluas ke sekolah luar grid lain di Johor.

Impak Program

- Sistem Solar PV berkapasiti **5.6 kWp** telah dipasang untuk menjana tenaga bersih bagi sekolah.
- **9 panel solar** dan **4 bateri LFP** digunakan bagi membolehkan bekalan elektrik berterusan sehingga 24 jam.
- **250 pelajar** menikmati pengalaman pembelajaran yang lebih kondusif dengan bekalan elektrik yang stabil serta akses kepada kemudahan digital.
- Lebih **450** barangan disumbangkan termasuk Smart TV, pencetak, kerusi, papan putih dan kelengkapan barang persekolahan.



Matlamat
Pembangunan
Mampan



Tonton video untuk melihat bagaimana tenaga solar membentuk masa depan yang lebih cerah untuk sekolah luar bandar ini.





KOMITMEN BERTERUSAN: BERSAMA KOMUNITI KEPULAUAN JOHOR

Untuk tahun kedua berturut-turut, Yayasan JCorp, Yayasan Sultan Ibrahim Johor dan Pejabat Daerah Mersing menjalin kerjasama strategik menyokong komuniti kepulauan Johor melalui inisiatif *Monsoon Relief: Waves of Support*, bagi membantu mereka menghadapi musim tengkujuh setiap tahun.

Pada tahun 2025, program ini memberi manfaat kepada 235 keluarga dan pelajar di Pulau Sibu, Pulau Tinggi, Pulau Besar, Pulau Pemanggil dan Pulau Aur di mana bantuan yang disalurkan merangkumi kit kebersihan, bekalan makanan, bantuan kewangan dan baucar kelengkapan sekolah. Untuk menceriakan suasana, seramai 16 pelajar dari SK Pulau Sibu turut merasai pengalaman membeli kelengkapan sekolah di Pasar Raya Hari Hari serta menikmati hidangan istimewa di KFC Mersing, sebagai suntikan semangat dan keceriaan menjelang sesi persekolahan baharu pada tahun 2026.

Majlis penyerahan sumbangan telah berlangsung pada 30 Oktober 2025 di Pejabat Daerah Mersing dan disempurnakan oleh Tuan Jamil Hasni Abdullah, Pegawai Daerah Mersing, bersama Encik Mohd Anizam bin Jamian, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sultan Ibrahim Johor, dan Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp. Kedua-dua yayasan kekal komited dalam misi membina masyarakat inklusif melalui program yang memperkasa komuniti kepulauan Johor untuk melangkah ke masa depan yang lebih mampan dan sejahtera.

Objektif Program

Memberi bantuan dan sokongan kewangan kepada komuniti pulau yang berisiko terjejas semasa musim monsun.

Meningkatkan daya tahan serta kesiapsiagaan menghadapi cabaran bermusim.

Memperkukuh kerjasama strategik antara Yayasan JCorp dan Yayasan Sultan Ibrahim Johor bagi memacu pembangunan sosial yang inklusif dan sejahtera.

Mewujudkan impak berpanjangan melalui bantuan segera serta inisiatif yang memperkukuh kelestarian, meningkatkan pendidikan dan memperkasa komuniti.

Impak Program

235 penerima manfaat di lima pulau (Pulau Sibu, Pulau Tinggi, Pulau Besar, Pulau Pemanggil dan Pulau Aur).

16 pelajar menikmati pengalaman membeli kelengkapan sekolah.

Sumbangan berjumlah **RM140,500** kepada komuniti kepulauan Johor bagi tempoh 2024 hingga 2025 membuktikan komitmen berterusan terhadap kesejahteraan sosial dan masyarakat.

Matlamat Pembangunan Mampan



Tonton video sorotan dan rasai semangat kebersamaan yang menguatkan komuniti Kepulauan Johor.



Objektif Program

- Memupuk kelestarian alam sekitar melalui penanaman pokok bakau.
- Meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan komuniti menerusi pemeriksaan kesihatan percuma.
- Mengukuhkan kerjasama antara semua pihak dalam inisiatif yang menggabungkan kesihatan dan penjagaan alam sekitar.



Matlamat
Pembangunan
Mampan



Tonton video sukarelawan Kumpulan JCorp menanam pokok bakau di Pulau Tanjung Surat bersama komuniti setempat bagi melindungi alam sekitar.

KPJ PASIR GUDANG KOMITED PERKASA KESIHATAN & INISIATIF HIJAU DI PULAU TANJUNG SURAT

Yayasan JCorp bersama KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital, Johor Plantations Group Berhad (JPG) dan Pertubuhan Sahabat Hutan Bakau Pulau Tanjung Surat (PSHBTS) melaksanakan inisiatif bersama untuk memperkukuh kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan komuniti di Pulau Tanjung Surat, Kota Tinggi, Johor pada 11 Disember 2025.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah penanaman sebanyak 500 pokok bakau di bawah kempen JPG *One Million Roots for the Future* (1MRFF), menjadikan jumlah keseluruhan 3,500 pokok telah ditanam di Pulau Tanjung Surat sejak program ini dimulakan pada tahun 2024. Program kemudiannya diteruskan dengan sesi lawatan Yayasan JCorp ke SK Tanjung Surat bagi mendapatkan maklum balas tentang penggunaan Smart TV yang disumbangkan pada awal tahun 2025, khususnya dalam memperkukuh pembelajaran digital di bilik darjah.

Selain itu, KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital menyediakan pemeriksaan kesihatan percuma kepada komuniti setempat, memastikan setiap penduduk mendapat akses kepada penjagaan asas. Inisiatif ini menekankan peranan penting sektor kesihatan dalam membina komuniti sihat demi masa depan yang mampan.



Seramai
60 sukarelawan
daripada pelbagai organisasi turut serta dalam program ini.

Impak Program
Sejak tahun 2024, sebanyak
3,500
pokok bakau telah ditanam termasuk 500 pokok yang ditanam semasa program ini.

Lebih
50 ahli komuniti
setempat mendapat pemeriksaan kesihatan percuma.

SUKU KEEMPAT YANG DINAMIK: PENGLIBATAN DAN PROGRAM YAYASAN JCORP PADA SUKU KE-4 2025

Suku keempat tahun 2025 menjadi penutup yang bermakna buat Yayasan JCorp dalam memacu kemajuan inklusif serta memperkasa kesejahteraan masyarakat, bukan sahaja di Johor malah di peringkat nasional. Sepanjang tempoh ini, Yayasan JCorp melaksanakan pelbagai inisiatif merangkumi empat bidang fokus utama, yang dirangka bagi memberi impak berterusan kepada komuniti yang terlibat. Dengan kerjasama erat bersama rakan strategik yang berkongsi visi dan nilai yang sama, serta berpaksikan matlamat pembangunan mampan, Yayasan JCorp dan pihak berkepentingan berjaya merealisasikan aspirasi bersama melalui pelaksanaan inisiatif yang tersusun, sekali gus memperkasa komuniti setempat dan menyumbang kepada kemajuan negara.





Berikut ialah ringkasan aktiviti dan program utama yang dilaksanakan dari Oktober hingga Disember 2025:



Yayasan JCorp bersama Yayasan Warisan Johor telah mengadakan sesi temu duga bagi pemilihan peserta Kursus Asas Tenunan Intensif, Orang Muda Johor (OMJ) di Galeri Tenun, Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha memartabatkan warisan Kain Benang Johor yang bertujuan menghidupkan semula industri tenunan tradisional melalui usaha memupuk, melatih dan memberi inspirasi kepada penggiat muda agar meneruskan kelestarian warisan tekstil Johor yang kaya. Seramai 10 orang peserta telah terpilih untuk mengikuti program latihan berstruktur selama enam bulan, bermula 15 Oktober 2025 hingga 15 April 2026, yang merangkumi pembelajaran praktikal, bimbingan mentor serta pembangunan kemahiran dalam teknik tenunan tradisional.



Yayasan JCorp telah menganjurkan Bengkel Kemahiran untuk Pesara (Bengkel Asas Pendawaian Elektrik serta Bengkel Servis dan Penyelenggaraan Penyaman Udara) di Johor Skills Development Centre, Pasir Gudang. Bengkel ini dikendalikan oleh Encik Muhammad Nur Azfar bin Noh, Penyelaras Latihan Johor Skills; Encik Kamaruzaman bin Mohd Salleh, Pengarah Kanan CIDB Wilayah Selatan (Pendawaian Elektrik); serta Encik Mohamad Azizi bin Samsudin, Jurulatih Bertauliah Penyaman Udara Bertauliah (Servis Penyaman Udara). Seramai 50 orang pesara daripada PERHEBAT Johor menyertai bengkel ini yang bertujuan melengkapkan peserta dengan pengetahuan serta kemahiran praktikal bagi menyokong kehidupan mereka supaya lebih berdikari dan yakin. Selain itu, bengkel ini turut meningkatkan kefahaman peserta tentang aspek elektrik serta penggunaan peralatan elektrik dalam kehidupan seharian, di samping menggalakkan pembangunan kemahiran sendiri secara berterusan walaupun selepas persaraan.



Program Pengesanan Awal dan Saringan Terapi Kerja telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Mindcare Therapy Centre. Program ini dianjurkan selaras dengan komitmen berterusan Yayasan JCorp dalam menyokong kesihatan mental dan keperluan perkembangan dalam kalangan murid sekolah. Dalam program ini, seramai 203 murid dari 21 sekolah rendah di Johor telah disaring, dengan tumpuan kepada beberapa aspek perkembangan penting seperti perhatian dan fokus, kemahiran motor, persepsi visual, regulasi emosi, serta aktiviti kehidupan harian (ADL). Selain itu, satu sesi taklimat kesedaran turut diberikan kepada para guru untuk meningkatkan kefahaman mereka tentang kesihatan mental serta perkembangan dan keperluan murid.



Pada program JPG Green Fun Run, Yayasan JCorp telah menyumbang sebanyak RM50,000 kepada 25 orang kelainan upaya melalui lima organisasi kebajikan iaitu Kelab Bandar Kita Johor Bahru, Persatuan Cerebral Palsy Johor, Persatuan Kanak-Kanak Autistik Islam Johor Bahru, Persatuan Sindrom Down Johor, dan Pertubuhan Kebajikan dan Sokongan OKU Johor Bahru. Seramai 20 sukarelawan dari Johor Skills dan KPJ Healthcare College Johor Bahru turun padang membantu menjayakan larian Fun Run 1KM (kategori khas) di Sungai Johor Eco Retreat sebelum bersama peserta menyertai aktiviti penanaman pokok Kundang, Quinny dan Tampoi bagi menyokong kempen *One Million Roots for the Future* oleh JPG.



Yayasan JCorp telah mengadakan lawatan ke Dapur Digital PPR Beringin, sebuah inisiatif keusahawanan oleh Pepper Labs yang membantu usahawan B40 menjana pendapatan harian, menguasai kemahiran digital dan membina hab ekonomi berasaskan komuniti. Ditubuhkan pada tahun 2022 dan diketuai oleh Puan Maznah, setiap tempahan melalui Dapur Digital menyumbang kepada pembinaan komuniti yang lebih berdaya tahan, inklusif dan berdikari, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Lawatan ini memberi peluang kepada Yayasan JCorp untuk meneliti secara lebih terperinci bagaimana model tersebut memperkasa usahawan B40, sekali gus memperluas kerjasama antara kedua-dua pihak bagi program pembangunan komuniti pada masa hadapan.



Yayasan JCorp telah menyertai pameran di Pameran dan Persidangan Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa Malaysia (IGEM 2025) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur.



Sebagai tanda komitmen berterusan kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (TLJCF), Yayasan JCorp menyumbang sebanyak RM70,000 bagi membantu usaha yayasan tersebut menyalurkan bantuan serta sokongan perubatan kepada pesakit kanser di Johor. Serahan cek replika telah disempurnakan oleh Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, kepada YAM Tunku Tun Aminah Binti Sultan Ibrahim, Penaung Diraja Laksamana Run pada Majlis Penyerahan Replika Cek dan Acara Flag-Off Laksamana Run 2025 yang berlangsung di Gateway Garden, Bandar Medini Iskandar.



Yayasan JCorp menyertai Festival Wonderful Nusantara, satu inisiatif anjuran Yayasan Warisan Johor bagi mempromosikan Tahun Melawat Johor 2026 serta meraikan warisan bersama masyarakat Nusantara. Festival ini turut disertai oleh empat negara, iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand.



Yayasan JCorp menyumbang RM20,000 bagi menyokong Karnival Mahabbah 2025, sebuah festival komuniti dan kebudayaan anjuran Waqaf An-Nur. Sebagai dua agen pelaksana aktiviti tanggungjawab sosial di bawah JCorp, sumbangan ini menggambarkan usaha bersama untuk memupuk kasih sayang, perpaduan dan kecintaan terhadap seni budaya dalam kalangan masyarakat. Penyerahan cek replika telah disampaikan oleh Encik Shahrazali Sahlan, Pengurus Yayasan JCorp, kepada Tuan Haji Bukhari Abd Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Waqaf An-Nur. Selain itu, Art Root Studio, iaitu artisan di bawah Pentas Seni Johor turut menganjurkan bengkel seni interaktif yang menarik penyertaan lebih 200 pengunjung sepanjang empat hari karnival, sekali gus memperlihatkan sokongan yang semakin kukuh terhadap seni tempatan.



Sebagai projek rintis, Program Literasi Digital telah dilancarkan di SK Sayong Pinang, Kulai. Tiga sekolah kurang murid iaitu SK Sikijang, SK Belokok dan SK Sayong Pinang (sekolah komuniti Orang Asli) telah dipilih untuk menyertai program ini. Semua sekolah yang terlibat menerima kemudahan pembelajaran digital seperti komputer riba dan papan pintar (Smartboard) bagi merapatkan jurang akses teknologi dan membuka peluang pembelajaran kepada murid di sekolah luar bandar, khususnya dalam kalangan keluarga B40.



Yayasan JCorp telah menyumbang RM57,000 dalam bentuk hadiah bagi menyokong Program Perpaduan Bahasa Kebangsaan 2025 yang berlangsung di Lotus Desaru Beach Resort, Kota Tinggi. Program ini menghimpunkan lebih 1,500 pelajar daripada 752 kontinjen seluruh negara melalui pelbagai pertandingan berasaskan bahasa. Program ini bukan sekadar meningkatkan kemahiran berbahasa, malah menjadi platform yang menggabungkan pembelajaran dan kreativiti, membolehkan pelajar membina keyakinan diri, berkongsi idea dengan lebih jelas serta mengasah pemikiran inovatif. Kontinjen Johor turut mencapai kejayaan cemerlang apabila memenangi beberapa kategori utama, termasuk Johan bagi pertandingan Pidato (Menengah), *Dare to Spell* (Rendah) dan Bercerita (SJK). Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YB Wong Kah Woh, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, bersama YB Tuan Aznan Tamin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (Pendidikan dan Penerangan); Tuan Haji Mohd Hanafi Samad, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor; serta Puan Wan Su Ali, Pengurus Besar Yayasan JCorp.



Yayasan JCorp telah mengadakan sesi latihan di Rumah Hijau Pertanian Pintar SMK Tasek Utara dan SMK Seri Kota Puteri 2, yang merupakan Sekolah Rintis Bangsa Johor (SRBJ) di Johor Bahru. Sesi yang dikendalikan oleh Urban Farm Tech Sdn. Bhd. ini memberi pendedahan praktikal kepada 30 pelajar Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 bagi setiap sekolah, selain melibatkan guru-guru dan pegawai dari Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru. Antara proses yang dipelajari termasuk percambahan benih, sistem pengairan rumah hijau serta operasi pertanian pintar berasaskan IoT. Projek Rumah Hijau Pertanian Pintar ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Yayasan JCorp untuk memupuk inovasi dan kelestarian dalam kalangan generasi muda.



Inisiatif Monsoon Relief: Waves of Support yang dijayakan kali kedua bersama Yayasan Sultan Ibrahim Johor telah diadakan di Pejabat Daerah Mersing. Program ini bertujuan membantu komuniti di kepulauan Johor yang terjejas akibat monsun Timur Laut, sekali gus memastikan tiada pihak yang tercicir ketika menghadapi bencana.



Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp merangkap Ketua Pegawai Kelestarian dan Impak Sosial JCorp, Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, telah menjadi ahli panel bagi sesi "Measuring ESG Impact in Higher Education: Bridging Practice, Policy & Metrics", yang berlangsung sempena International Sustainability Summit 2025 (ISS2025) di Sunway Big Box Hotel, Johor. Perbincangan tersebut menumpukan kepada bagaimana prinsip kelestarian dan ESG dapat diintegrasikan ke dalam rangka kerja institusi bagi mendorong perubahan jangka panjang yang bersifat menyeluruh dan boleh diukur merentas pelbagai sektor. Tidak hanya tertumpu pada inisiatif jangka pendek, sesi tersebut turut menyetengahkan peranan Yayasan JCorp sebagai pemacu sosial dan kelestarian dalam ekosistem JCorp melalui pendekatan ESG yang berasaskan pemahaman terhadap realiti komuniti dan keperluan sistemik.



Yayasan JCorp telah menyertai Program Mini Teater STEM Johor di Southern University College, Johor Bahru, yang dianjurkan oleh Persatuan STEM Kebangsaan (NSA). Dalam sesi tersebut, Cik Sharifah Hasyimah Syed Mohd Nazar berkongsi mengenai aktiviti terkini Yayasan JCorp dalam memupuk inovasi serta meningkatkan kemahiran dalam kalangan generasi muda. Antara inisiatif yang diketengahkan ialah Rumah Pertanian Hijau Pintar yang dibangunkan bersama rakan kerjasama korporat, serta Program Literasi Digital yang memberi tumpuan kepada penyediaan akses teknologi dan peluang pembelajaran kepada murid di luar bandar, komuniti B40 dan sekolah kurang murid. Melalui penyertaan dalam program ini, Yayasan JCorp berharap dapat meneroka potensi kerjasama masa hadapan bersama agensi korporat dan rakan strategik bagi memperluas akses pembelajaran STEM serta menyediakan lebih banyak pengalaman praktikal dan berasaskan dunia sebenar kepada pelajar di seluruh Johor.



Yayasan JCorp telah mengadakan sesi libat urus bersama penerima tajaan di bawah program ACCA bertempat di TYMByte Learning Centre, Kuala Lumpur. Sesi tersebut melibatkan enam orang pelajar iaitu lima pelajar Pasca-SPM dan seorang pelajar Pasca-Ijazah, yang berkongsi perkembangan terkini, membincangkan cabaran yang dihadapi serta merangka perancangan sebagai persediaan menghadapi peperiksaan akan datang. Sesi ini dihadiri oleh Puan Noor Zarina Mohammad Noor, Ketua Pegawai Operasi MyPAC, bersama wakil daripada Yayasan JCorp. Program ini dirangka bagi membangunkan pelajar menjadi profesional, dan sehingga kini dua orang pelajar telah berjaya menamatkan program dan kini bekerja sebagai akauntan profesional di KLI International dan Sekretariat APPGM-SDG.



Johor Corporation dan Yayasan JCorp telah mengetengahkan pelbagai inisiatif hijau yang menyumbang kepada ekosistem kelestarian Johor sempena pelancaran Dasar Pembangunan Hijau Johor (PPHJ) di TMIYC, Johor Bahru. Dalam majlis tersebut, Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman berkongsi mengenai program utama dan usaha pemeliharaan alam sekitar, sekali gus menunjukkan bagaimana JCorp dan Yayasan JCorp memacu impak jangka panjang di seluruh negeri menerusi empat bidang fokusnya. Berangkat bercemar duli ke majlis ini ialah KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah dan YAM Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor.



Yayasan JCorp menjayakan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah bagi Inisiatif Cabaran Kaca Pun Boleh! di Dewan Jubli Intan, Johor Bahru. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Dr. Hajah Aslinda binti Salkin, Pengarah Jabatan Kesihatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru, dan turut dihadiri oleh Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp serta Encik Norlisam Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment.



Yayasan JCorp dan Yayasan Warisan Johor telah melancarkan Projek Legasi Johor, sebuah inisiatif untuk memastikan seni tenunan tradisional Kain Benang Johor terus berkembang, berevolusi dan dimartabatkan oleh generasi akan datang. Dengan tema "Ditenun Legasi, Dipakai Identiti", projek ini bertujuan melahirkan penenun muda yang mahir dan berdaya saing dengan meletakkan Kain Benang Johor sebagai elemen penting identiti negeri. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Encik Mohd Masni Wakiman, Pegawai Daerah Johor Bahru, bertempat di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Johor Bahru.



Johor Plantations Group Berhad (JPG) dengan kerjasama Yayasan JCorp, KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital dan Pertubuhan Sahabat Hutan Bakau Pulau Tanjung Surat (PSHBTS) telah menanam 500 pokok bakau di Pulau Tanjung Surat, Kota Tinggi.

Ini merupakan kali ketiga Yayasan JCorp menanam pokok di kawasan tersebut, menjadikan jumlah keseluruhan pokok bakau yang ditanam mencecah 3,500 pokok. Usaha ini adalah sebahagian daripada kempen One Million Roots for the Future (1MRFF) anjuran JPG, yang menyasarkan penanaman lebih sejuta pokok bagi memulihara dan melindungi alam sekitar.



Yayasan JCorp menyediakan kemudahan Sistem Solar Fotovoltaik kepada Sekolah Agama (SA) Tunjuk Laut. Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif projek tenaga solar 'The Future Powered Project' Yayasan JCorp yang dijayakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Johor Plantations Group Berhad (JPG) dan rakan strategik baharu, IJM Industry ICP Piles. Pendekatan berasaskan tenaga lestari ini membolehkan sekolah luar bandar yang berada di luar rangkaian grid menikmati kemudahan elektrik yang lebih stabil dan efisien, menggantikan ketergantungan kepada generator diesel.

Kalendar Acara Akan Datang

Suku Tahun Pertama 2026



Pendidikan	Tarikh
1. Majlis Pelancaran Rumah Hijau Pertanian Pintar - SMK Tasek Utara, Johor Bahru - SMK Seri Kota Puteri 2, Masai, Johor Bahru	April 2026



Seni, Budaya & Warisan	Tarikh
1. Pentas Seni Johor x JB Town Fest 2026, Johor Bahru	31 Januari 2026



Alam Sekitar	Tarikh
1. <i>Food Waste Awareness</i> - Masjid Sultan Iskandar Bandar Dato Onn	27 Mac 2026, 3 & 10 April 2026



Kesejahteraan Komuniti	Tarikh
1. <i>Threads of Blessings</i> - Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn & Masjid An-Nur Taman Cendana, Pasir Gudang	11 Februari 2026 - 6 Mac 2026
2. Iftar - Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn	7 Mac 2026





YAYASAN JOHOR CORPORATION


Level 18, Menara KOMTAR
80888 Ibrahim International Business District
Johor Darul Ta'zim, Malaysia


Emel: yayasanjcorp@jcorp.com.my


yayasanjcorp.com.my

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp